

Headline **Berpuasa Dan Takbir Di Atas Kapal Jaga Perairan Negara**
 Date **30. Sep 2008**
 Media Title **Utusan Malaysia**
 Section **Supplement**
 Circulation **238082**
 Readership **833287**

Language **MALAY**
 Page No **18**
 Article Size **870 cm²**
 Frequency **Daily**
 Color **Full Color**
 AdValue **12266.46**



Berpuasa dan takbir di atas kapal jaga perairan negara

Oleh ASSIM HASSAN

KEDATANGAN Ramadan dan disusuli Syawal sentiasa ditunggu oleh seluruh umat Islam.

Tiada bezanya dengan individu yang bekerja dalam pasukan beruniform seperti anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) di negara ini kerana yang pasti mereka turut menyambut ramadhan dan perayaan hari raya dengan ceria dan gembira.

Adakalanya tugas yang diamanahkan perlu dilajankan masyarakat menyambut kedatangan bulan mulia ini, namun ia tidak sedikit pun memberi kesan kepada mereka.

Begitu juga dengan empunya diri yang telah berkhidmat selama 26 tahun di Polis Diraja Malaysia (PDRM), Isa Munir yang kini memegang jawatan selaku Komander Polis Marin bersedia untuk ditemuramah di pejabatnya di Bukit Aman, Kuala Lumpur.

Pertemuan dengan beliau merupakan satu yang tidak dirancang dan penulis dapat banyak pengajaran tentang pengalamannya yang menjadikan polis sebagai kerjaya sebaik setelah menamatkan pengajian di peringkat sekolah menengah lagi.

Isa menegaskan, penglibatan dalam pasukan polis hendaklah sentiasa bersedia berdepan dengan apa jua cabaran.

Menjaga keselamatan perairan tanah air juga merupakan satu tugas yang mencabar dan memerlukan pengalaman serta kemahiran.

Pengalaman-pengalaman dan kemahiran adalah asas kepada pertahanan 'kubu' negara agar anasir-anasir jenayah dapat dikurangkan.



ISA Munir ketika menerima jet ski baru untuk kegunaan anggota polis marin pada bulan Jun lalu.

KETIKA waktu muda, Isa yang diberi kepercayaan menjadi ketua operasi menyelam.

pengalaman dan semangat juang mereka dalam memastikan keselamatan negara terjamin.

Ditanya pandangan keluarga berhubung tugas beliau yang tidak mengenalerti penat lelah dan masa, Isa bersyukur kerana anak-anak serta isteri begitu memahami tugas murni beliau.

Katanya, terdapat sedikit kesukaran bagi anak-anaknya menerima kehidupan berpindah-randah dan kekurangan masa itu tetapi beliau berjaya menerangkan serta menunjukkan komitmen kepada keluarga jika mempunyai masa lapang.

"Keluarga merupakan satu anugerah Tuhan yang tidak ternilai dan saya sangat bersyukur serta berterima kasih kerana mereka sentiasa menjadi pendorong saya untuk terus berjaya," katanya yang kini berusia 51 tahun.

Isa yang dilihat mempunyai prestasi cemerlang dalam bidang Polis Marin kemudian dipilih untuk menjadi Ketua Polis Daerah Gua Musang pada 2000 hingga 2004 sebelum ditukar semula menjadi Komander Polis Marin.

Sepanjang tempoh itu, atas perasan ingin menambah ilmu di dada, beliau melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Sumber Manusia di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 2001.

"Selepas itu, pada 2004 saya menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana dalam Kajian Pertahanan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)," ujar beliau yang turut memegang diploma dalam Polis Sains dan Pertahanan di UKM.

Merupakan seorang yang amat meminati pasukan beruniform menjadikan beliau seorang yang berdisiplin dan berwibawa.

"Sebelum menyertai pasukan polis, saya pernah menyertai kadet tentera udara tetapi gagal dalam ujian penilaian (Attitude Test)," tuturnya tanpa berasa kesal kerana tidak terpilih dalam kadet tersebut.

Jelas Isa, rezeki Tuhan ada di mana-mana dan pada 1977 beliau melaporkan diri di Pusat Latihan Polis (Pulapol) Jalan Semarak dan menjalani latihan selama enam bulan di samping mengikuti latihan penyesuaian Pasukan Polis Hutan (PPH) Ulu Kinta selama sebulan.

Sebelum penulis menamatkan temuramah hari itu, Isa turut menegaskan bahawa, untuk menjadi seorang anggota polis yang berjaya, komitmen dan integriti merupakan tunjangan kepada kejayaan seseorang anggota itu.

"Nilai murni yang tinggi dan semangat juang jitu perlu seiring agar apa sahaja tugas dapat dilaksanakan dengan jayanya," nasihat beliau.



KOMANDER Polis Marin, Senior Asisten Komisioner II Isa Munir.

Mengimbau kembali sewaktu menjadi Ketua Polis Marin Sabah, beliau yang pada ketika itu Ketua Polis Marin Wilayah, pernah menyambut perayaan Aidilfitri di atas kapal.

Katanya, selaku ketua beliau mengambil inisiatif untuk bersama anak-anak buahnya walaupun ketika itu Hari Raya Aidilfitri akan disambut semoga lagi tetapi tanggungjawab menjaga perairan negara tiada kompromi.

"Saya ingat lagi waktu itu tahun 1996, di mana Semporna di bori seminggu sebelum hari raya

menyebabkan langkah-langkah keselamatan perlu dipertingkatkan bagi mengelak ia merebak ke kawasan.

"Selaku ketua saya terpaksa turun padang bersama-sama anggota bawahan yang

lain bagi memberikan semangat supaya mereka tidak bersedi untuk menjelang perayaan," katanya tidak cerewet mengenai jenis kuih mahupun makanan sempena hari raya.

Isa yang dengan tenang berkata, pada waktu itu, apa yang penting adalah menemani anggota-anggota bawahan menyediakan dan membait pulih kapal-kapal yang sedia ada.

Ujar beliau yang memegang jawatan selaku supiritudan ketika ditugaskan di Sabah, pihaknya diminta bersiap sedia jika ada sebarang ancaman di perairan Semporna dan sehubungan itu, semua kapal-kapal militi mereka perlu dipastikan bersedia untuk menempuh apa jua cabaran.

"Sehingga kini, saya masih ingat memori menyambut kehadiran Syawal dan bertakbir di samping hidangan kuih muil hari raya di atas kapal," kata bapa kepada tiga orang cahaya mata ini.

Beliau memberitahu, tugas selaku anggota polis tidak dapat lari dari situasi berpindah-randah dan ia dilihat satu lumrah anggota polis bagi menambahkan